

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, TAHUN 2021**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [ LANANG ]**

**TARIKH : 14 DISEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [ LANANG ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah pekerja yang kehilangan pekerjaan, jumlah tuntutan bantuan Sistem Insurans Pekerja (EIS) dan apakah langkah Kementerian untuk mengatasi kes pengangguran yang semakin meningkat.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Berdasarkan statistik Sistem Insurans Pekerjaan bagi tahun 2021, sehingga 5 November 2021 sebanyak 55,742 kehilangan pekerjaan telah direkodkan dengan jumlah bayaran adalah sebanyak RM324.6 juta.

Kerajaan memandang serius berkaitan isu pengangguran di kalangan rakyat. Kerajaan melalui PERKESO telah mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mengatasi masalah pengangguran yang semakin meningkat dengan melaksanakan Program Penjana Kerjaya 3.0 di bawah PEMULIH dengan membantu majikan yang terkesan dari segi ekonomi akibat COVID-19 supaya dapat meneruskan operasi syarikat serta mengelakkan pekerja hilang pekerjaan. Program ini bermula pada 15 Julai 2021 hingga 31 Disember 2021 dengan insentif seperti berikut:

## **SOALAN NO : 33**

- I. Insentif kepada majikan yang membuat pengambilan pekerja berusia 40 tahun ke bawah;
- II. Insentif kepada majikan yang membuat pengambilan pekerja berusia 40 tahun ke atas, OKU dan bekas banduan;
- III. Insentif kepada pengambilan Perantis di kalangan lepasan sekolah dan graduan berumur 18 – 30 tahun;
- IV. Perluasan insentif pengambilan pekerja di bawah Program KerjayaGig;
- V. Insentif Penempatan Pekerjaan oleh Agensi Pekerjaan Swasta (APS); dan
- VI. Program *Malaysianization* untuk menggalakkan majikan menggantikan pekerja asing dengan pekerja tempatan.

Kerajaan juga telah memperkenalkan Perluasan Elaun Mencari Pekerjaan (EMP) di bawah Program SIP Prihatin 2.0 yang mana elau ini diberikan kepada golongan yang tidak pencarum dengan PERKESO termasuklah graduan baharu, lepasan sekolah dan pekerja sektor tidak formal yang aktif mencari pekerjaan di dalam MyFutureJobs.

Manakala, bagi membantu pekerja yang kehilangan pekerjaan, Kerajaan melalui PERKESO menyediakan skim perlindungan kepada pencarumnya di bawah Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 [Akta 800] yang telah dikuatkuasakan mulai pada 1 Januari 2018 dan berperanan untuk membantu Orang Berinsurans yang telah kehilangan pekerjaan.

Bantuan di bawah Sistem Insurans Pekerjaan adalah faedah berbentuk kewangan dan bantuan pencarian pekerjaan seperti mana berikut:

- i. Elaun Mencari Pekerjaan (EMP);
- ii. Elaun Bekerja Semula Awal (EBSA);
- iii. Elaun Pendapatan Berkurangan (EPB);

- iv. Elaun Latihan kepada Orang Berinsurans yang menjalani latihan;
- v. Pembiayaian Fi Latihan; dan
- vi. Bantuan pencarian pekerjaan oleh Pegawai Perkhidmatan Pekerjaan PERKESO.

Kerajaan juga dalam Bajet 2022 telah memperuntukkan sebanyak RM2 bilion kepada PERKESO untuk melaksanakan JaminKerja – Insentif Penggajian di bawah Sistem Insurans Pekerjaan yang dijangka akan memanfaatkan 300,000 pencari kerja dari seluruh negara.

6. Menerusi JaminKerja – Insentif Penggajian, para majikan yang menggajikan individu yang tidak aktif bekerja bakal menerima insentif sebanyak 20 peratus daripada gaji bulanan bagi tempoh enam bulan pertama dan 30 peratus bagi 6 bulan berikutnya. Bagi golongan rentan pula, majikan layak menerima insentif sebanyak 30 peratus untuk 6 bulan pertama, sebelum dinaikkan kepada 40 peratus bagi 6 bulan berikutnya. Kadar insentif yang sama turut akan dipanjangkan bagi pengambilan pekerja golongan wanita yang telah mengganggu melebihi tempoh setahun, ibu tunggal dan suri rumah.

Selain itu, di bawah Bajet 2022 Kerajaan akan meneruskan pemberian bantuan Elaun Mencari Pekerjaan di bawah Sistem Insurans Pekerjaan kepada pencarum dan bukan pencarum PERKESO. Inisiatif ini merupakan penambahbaikan kepada program SIP Prihatin 1.0 dan SIP Prihatin 2.0 serta dijangka memanfaatkan seramai 265,000 individu yang aktif mencari pekerjaan. Langkah penambahbaikan insentif EMP ini juga dapat memberi impak yang positif kepada pasaran kerja secara makro, sekaligus membantu mengurangkan kadar pengangguran negara.

Bermula tahun 2022, perluasan dan sambungan program ini akan dijenamakan semula dengan menggunakan nama SIP Elaun Mencari Pekerjaan+ atau SIP EMP+ bagi menggantikan nama SIP Prihatin.